

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
15 JUN 2012**

1. SENAMROBIK BERSAMA

Sukacita di sini, saya ingin memaklumkan bahawa program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan pada 17 Jun 2012 (Ahad) bertempat di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin, jam 7:30 pagi.

Justeru, saya menjemput semua yang berada di sini dan juga seluruh Warga Seberang Perai untuk turut bersama-sama MPSP, menjaga kesihatan disamping mengeratkan lagi hubungan antara MPSP dan orang ramai. Sebagai makluman, MPSP juga turut menyediakan Kaunter Bergerak dan Pemeriksaan Kesihatan percuma pada hari tersebut.

2. HARI ULANG TAHUN PENGISYTIHARAAN TAPAK WARISAN DUNIA

Sukacita dimaklumkan sebagai meraikan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pulau Pinang telah menetapkan pada 7 Julai setiap tahun sebagai cuti umum negeri.

Penetapan 7 Julai sebagai Hari Cuti Umum ini telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 17 Dis 2009 dan Surat Pekeliling mengenai perkara ini telah dikeluarkan kepada semua Ketua-ketua Jabatan, Agensi Persekutuan dan Negeri serta Ketua Pengarah Pelajaran bagi memaklumkan perkara itu.

Cuti umum ini adalah bagi memberi peluang kepada pekerja mengambil bahagian meraikan sambutan Ulang Tahun Pengiktirafan Bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Satu program George Town Festival diadakan dari 15 Jun 2012 sehingga 15 Julai 2012 di George Town.

3. HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Kesempatan ini, saya dan juga seluruh warga kerja MPSP, dengan penuh hormat dan takzimnya ingin mengucapkan Selamat Hari Jadi yang ke-74 kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, yang akan disambut pada 14 Julai 2012.

Semoga T.Y.T dan Toh Puan sentiasa mendapat rahmat daripada Allah s.w.t. dalam mengharungi kehidupan sehari-hari serta sihat sejahtera untuk terus memainkan peranan sebagai tumpuk pemerintahan Negeri Pulau Pinang.

4. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Sebagai makluman, MPSP telah melantik tiga (3) orang pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan tetap pada 1 Jun 2012 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Berikut, saya perkenalkan pegawai tersebut, iaitu ;

- i. Jurutera Gred J41 iaitu Encik Mohamad Hazrul bin Hassan ditugaskan di Jabatan Kejuruteraan
- ii. Turut ditempatkan di Jabatan Kejuruteraan adalah Puan Siti Rohaida bt. Jamaludin, Jurutera Gred J41

dan
- iii. Akauntan Gred W41 iaitu Cik Lai Yen Yi yang ditugaskan di Jabatan Perbendaharaan
(beliau tidak berada di Dewan Kenanga ini dimana beliau ketika ini menghadiri Kursus Pengurusan Kewangan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

5. PEMBERIAN KEMUDAHAN iPAD, SAMSUNG GALAXY TAB ATAU NOTEBOOK KEPADA AHLI MAJLIS

Sukacita dimaklumkan bahawa pada pagi ini, Majlis telah mengedarkan iPad, Samsung Galaxy Tab atau Notebook kepada semua Ahli Majlis MPSP mengikut pilihan masing-masing, dalam usaha meningkat dan memantapkan lagi prestasi kerja serta memenuhi keperluan Ahli Majlis MPSP dalam melaksanakan tugas, seiring dengan slogan Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*”. Melalui peralatan komunikasi yang dibekalkan ini, iaanya akan dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian serta mengurangkan penggunaan kertas dalam mesyuarat.

Mulai bulan Julai 2012, semua notis dan minit mesyuarat akan diedar melalui emel dan sistem Pantas kepada Ahli Majlis dan tidak lagi dicetak. Ahli Majlis diminta utk membawa peralatan ini ketika menghadiri mesyuarat MPSP.

6. SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-38 / 2012

Sukacita dimaklumkan pada 19 Julai 2012 (Khamis), MPSP akan mengadakan sambutan Perayaan Hari Majlis Yang Ke-38 / 2012. Pelbagai program dan acara yang akan disediakan pada hari tersebut, antaranya adalah :-

6.1 PROGRAM KUALITI

6.1.1 PERTANDINGAN ZON DAN INDIVIDUTERBAIK QE/5S

MPSP berusaha dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sistem kerja yang berkualiti cepat, mudah dan efisyen berupaya meningkatkan keyakinan **Stakeholders** termasuk para pelabur ke atas MPSP . Hasil kerja yang efisyen turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran pejabat dan persekitaran kerja (work station) kakitangan. Untuk itu, MPSP berusaha secara berterusan untuk mengekalkan budaya dan persekitaran kerja yang berkualiti di MPSP dengan menggalakkan kakitangan MPSP bersaing secara sihat ke arah itu.

Keadaan persekitaran kerja yang selesa dan teratur akan memudahkan pengesahan maklumat dan fail yang akan mempercepatkan proses kerja setiap kakitangan. Justeru, untuk meningkatkan motivasi serta semangat kerja berkumpulan di kalangan kakitangan, MPSP mengadakan pertandingan Zon Terbaik 5S dan Zon Individu Terbaik 5S bagi menobatkan jabatan dan individu yang didapati mempunyai amalan 5S yang cemerlang. Zon terbaik akan menerima piala pusingan yang akan ditempatkan di jabatan berkenaan sehingga audit seterusnya disamping hadiah wang tunai. Zon Individu Terbaik 5S pula akan mendapat Sijil Penghargaan dan hadiah wang tunai.

5.1.2 KAIZEN

Merupakan istilah dari Jepun yang bermaksud penambahbaikan berterusan. Dengan konsep terbuka bahawa idea penambahbaikan boleh dikemukakan oleh sesiapa sahaja dalam organisasi dari pegawai atasan hingga kakitangan bawahan. Ianya bagi menggalakkan sumbangan kreatif oleh kakitangan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti disamping menjimatkan kos. Ia juga berdasarkan pandangan ‘Hari esok perlu lebih baik dari hari ini dan hari ini perlu lebih baik dari semalam’.

Penambahbaikan dibuat dalam bentuk yang kecil tetapi mempunyai impak yang besar kepada organisasi. Pada tahun ini MPSP akan memberikan Anugerah KAIZEN kepada kakitangan yang telah memberikan sumbangan idea kreatif yang telah mendarangkan impak kepada MPSP dan fokus diberi kepada idea kreatif dalam bentuk produk (tangible). Mereka yang terlibat akan diberikan sijil penghargaan dan cenderahati.

6.1.3 CADANGAN Q

Bagi merealisasikan kejayaan dalam pengurusan MPSP, kepelbagaiannya sistem untuk menyokong usaha-usaha kualiti perlu dilaksanakan. MPSP telah menggerakkan usaha membudayakan kualiti sejak sekian lama sehingga ke hari ini. Peranan untuk memertabatkan kualiti tidak hanya terletak di pihak pengurusan tertinggi sahaja. Malah kakitangan bawahan memainkan peranan yang sangat penting untuk membolehkan usaha berkenaan berjalan dengan lancar dengan memberi input-input berguna kepada proses peningkatan kualiti kerana mereka yang terlibat secara langsung dalam pemberian perkhidmatan kepada pelanggan. Idea atau buah fikiran daripada kakitangan membolehkan pengurusan MPSP membuat penambahbaikan ke atas proses-proses sedia ada.

Cadangan Q ini bertujuan membuka ruang kepada kakitangan mengemukakan idea-idea kreatif mereka dalam meningkatkan keupayaan MPSP untuk meningkatkan produk dalam bentuk perkhidmatan. Idea-idea yang dikemukakan akan dipertimbangkan dan akan dilaksanakan sekiranya bersesuaian serta realistik untuk dilaksanakan. Idea ini perlulah idea yang belum pernah dilaksanakan lagi sebelum ini. Kakitangan yang mengemukakan cadangan yang diterima oleh pengurusan untuk dilaksanakan akan menerima cenderahati atau hadiah khas dan sijil penghargaan.

6.1.4 Q-HUNT

Merupakan satu aktiviti seperti Mencari Harta Karun. Dalam mencari harta karun, peserta-peserta akan diberi soalan atau klu berdasarkan kualiti. Dengan cara ini, semua peserta yang terlibat perlu mempunyai pengetahuan berkenaan kualiti dan perlu mempunyai maklumat berkenaan aktiviti kualiti MPSP sebagai langkah mempersiapkan diri Mencari Harta Karun di MPSP. Aktiviti ini akan dapat mengukuhkan lagi konsep Team Building di kalangan kakitangan serta secara tak langsung mendedahkan kakitangan kepada aktiviti-aktiviti kualiti yang dilaksanakan oleh MPSP sehingga hari ini.

Q-Hunt juga akan mencerna minda kakitangan untuk lebih aktif berfikir dan penggunaan seluruh ruang ibu pejabat MPSP memerlukan pergerakan kakitangan yang juga merupakan sebagai satu aktiviti riadah yang ringan.

6.1.5 PELANCARAN “MID TERM REVIEW REPORT CARD” FOKUS MPSP 2012

“Mid Term Review Report Card” FOKUS MPSP 2012 merupakan laporan setengah tahun pencapaian MPSP bagi program-program yang dilaksanakan daripada Pelan Tindakan yang dirancang bagi tahun 2012. Pencapaian ini dimasukkan dalam *Report Card* khas yang akan dilancarkan semasa Perayaan Hari Majlis MPSP ke-38.

6.2 PROGRAM PENANAMAN POKOK DI PERKARANGAN MPSP DAN LALUAN MASUK UTAMA KE IBU PEJABAT MPSP

Bersempena sambutan Perayaan Hari Majlis ini, Program ‘Penanaman Pokok di Perkarangan MPSP dan laluan masuk utama ke Ibu Pejabat MPSP bersama kakitangan Majlis juga akan diadakan pada 19 Julai 2011 (Khamis) bertempat di Perkarangan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, Bukit Mertajam untuk pengindahan, dan kehijauan di kawasan Ibu Pejabat MPSP. Objektif program ini adalah untuk memupuk minat, kesedaran dan penghayatan terhadap alam sekitar, memperkuuhkan hubungan antara kakitangan dan kepentingannya dalam kehidupan seharian serta mendidik tentang kepentingan *biodiversity* dan bagaimana tindakan manusia mempengaruhi alam sekitar di sekeliling dan meningkatkan pengetahuan serta sikap kakitangan tentang pencegahan dan kawalan mengenai perkara-perkara yang melibatkan alam sekitar yang menyumbang kepada ekosistem secara keseluruhan. Program ini selaras dengan “*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*”.

6.3 FORUM PERDANA

Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menganjurkan satu Forum Perdana bertajuk “**Hidup Berkualiti Teras Kejayaan Ummah**” pada 13 Julai 2011 (Jumaat) jam 9:00 malam bertempat di perkarangan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Forum Perdana ini akan dipengerusikan oleh Dr Ahmad Bashir bin Aziz (Pensyarah UUM) dan 2 ahli panel iaitu Dato’ Paduka Syeikh Muhamad Baderudin bin Hj Ahmad (Mufti Kedah) dan Ustaz Syeikh Ahmad Faisol bin Hj Omar (Pendaftar Kanan, Pejabat Agama Islam, Kubang Pasu, Kedah).

6.4 Program-program lain yang akan diadakan pada 19 Julai 2012 yang turut memeriahkan lagi Sempena Perayaan Hari Majlis Ke-38 ini, antaranya adalah ;

- Program Ramah Mesra Bersama Y. Bhg Tuan Yang DiPertua MPSP
- Pameran dari setiap Jabatan MPSP
- Penyampaian Sijil & Insentif kepada Pekerja Awam Cemerlang Januari 2012-Jun 2012
- Penyampaian Surat Penghargaan kepada individu dan pertubuhan aktif bekerjasama dengan MPSP
- Program Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan
- Ceramah kepada warga MPSP

➤ Taklimat mengenai ExGratia

➤ Taklimat mengenai isu-isu penjawat awam selepas SBPA (Saraan Baru Perkhidmatan Awam) dimansuhkan oleh pihak Kerajaan

Manakala Majlis Memperbaharui Ikrar dan Ikrar Kualiti bagi kakitangan MPSP akan diadakan pada 11 Julai 2012 (Rabu).

6.5 Program bersama rakan media juga akan turut dianjurkan iaitu “Green Ride bersama Media 2012”, dengan anggaran jarak 10km pada 14 Julai 2012 (Sabtu).

Disamping itu, tidak ketinggalan juga disediakan program-program, terbuka untuk penyertaan orang ramai seperti berikut ;

- Pertandingan Fotografik Mengenai Imej Seberang Perai
 - Penyertaan terbahagi kepada 3 kategori iaitu ;
 - ❖ “Approaching Seberang Perai”
 - ❖ Keindahan Alam Semulajadi
 - ❖ Tempat Menarik di Seberang Perai

- Pertandingan Sukan MPSP yang akan diadakan pada 14 Julai 2012 (Sabtu) di perkarangan Ibu Pejabat MPSP iaitu ;
 - Pertandingan Futsal
 - Pertandingan Bola Jaring
 - Pertandingan Tarik Tali

6.6 PROMOSI BAYARAN KOMPAUN LETAK KERETA SEMPENA PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-38

Sempena Perayaan Hari Majlis ini juga, yang akan diraikan pada hari Khamis, 19 Julai 2012, sukacita dimaklumkan bahawa ;

- Kompaun letak kereta akan dikenakan sebanyak RM15.00 sahaja bagi setiap kompaun
- Hanya kompaun-kompaun yang belum didaftarkan ke mahkamah sahaja yang layak untuk menerima harga potongan yang dinyatakan
- Selepas dari promosi ini, MPSP hanya akan membenarkan kompaun letak kereta ditawar pada harga potongan sebanyak 50% sahaja mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan.
- Promosi hanya akan diadakan pada 19 & 20 Julai 2012, mulai jam 8:00 pagi sehingga 5:00 petang sahaja.

Justeru, semua yang berada di sini dan juga orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir dan turut serta bersama-sama MPSP dalam memeriahkan lagi program ini.

SEKIAN, TERIMA KASIH.